

<p>SENARAI PEMBERITAHUAN PRODUK – INSURANS SEMUA RISIKO PERALATAN PEJABAT</p> <p>(Sila baca Senarai Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan Insurans Semua Risiko Peralatan Pejabat. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat-syarat am yang terdapat di dalam polisi).</p>	<p>Rujukan Kami : 01-01-2010</p> <p>Nama Penawar Khidmat Kewangan : Uni.Asia General Insurance Berhad</p> <p>Nama Produk : Insurans Semua Risiko Peralatan Pejabat</p> <p>Tarikh :</p>
---	---

1. Apakah produk ini?

Insurans Semua Risiko Peralatan Pejabat ialah pelan insurans yang memberi perlindungan kepada orang yang diinsuranskan terhadap kerugian atau kerosakan pada peralatan pejabat, dan mesin perniagaan akibat daripada kemalangan, kebakaran, kecurian atau malapetaka lain melainkan dikecualikan di dalam polisi.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang ditawarkan?

Polisi ini memberi perlindungan terhadap kerugian atau kerosakan pada peralatan pejabat, aksesori dan alat gantinya yang disertai dengan:

- a) Perlanggaran atau terbalik akibat kemalangan.
- b) Kebakaran, letupan luaran, pencucuhan sendiri atau kilat.
- c) Kecurian
- d) Perlindungan ke atas mogok, rusuhan dan rusuhan awam boleh diberikan dengan pembayaran premium tambahan.

Tempoh perlindungan ialah selama Satu tahun. Anda perlu memperbaharui pelan insurans setiap tahun.

3. Berapakah jumlah premium yang perlu dibayar?

Jumlah minimum premium tahunan ialah RM75.00, bergantung kepada butiran yang diinsuranskan.

4. Berapakah yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?

Bayaran dan caj-caj yang perlu dibayar ialah:

Jenis	Jumlah
Komisen yang dibayar kepada agen Insurans	25 peratus daripada jumlah premium
Duti Setem	RM10.00
Cukai Perkhidmatan	5 peratus daripada jumlah premium

5. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian?

Terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian ialah:

- a) Anda perlu memberi notis secara bertulis dengan segera, dan menyatakan sebab dan tahap kerugian atau kerosakan.
- b) Anda perlu mengambil langkah berjaga-jaga untuk menjaga keselamatan peralatan yang diinsuranskan.
- c) Sekiranya berlaku tuntutan, anda perlu mengambil langkah-langkah segera bagi meminimumkan kerosakan dan mendapatkan semula barangan yang hilang.
- d) Jika terdapat perlindungan insurans lain yang melindungi harta yang sama, Syarikat kami tidak akan dipertanggungjawabkan untuk membayar lebih dari perkadaran setimpal bagi kerugian atau kerosakan sedemikian.

6. Apakah pengecualian utama bagi polisi ini?

Kami tidak akan bertanggungjawab bagi kerugian atau kerosakan disebabkan atau yang berlaku melalui:

- a) Serangga perosak kulapuk kehausan dan kelusuhan, susut nilai, kemerosotan atau apa-apa proses pembaikan, pembaikpulihan dan pengubahsuaian
- b) Rusuhan, kekacauan awam, letupan gunung berapi, kebakaran bawah tanah, gempa bumi atau konvulsi alam semula jadi yang lain.
- c) Penyitaan, penahanan, pemilikan negara, tuntutan atau kemusnahan secara paksa oleh mana-mana kerajaan, pihak perbandaran, pihak berkuasa tempatan atau pihak kastam.

- d) Kerosakan mekanikal atau elektrik atau calar atau retakan kanta atau kaca kecuali disertai oleh kerosakan lain di mana anda berhak untuk mendapat ganti rugi bagi polisi tersebut.

(Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk pada kontrak polisi untuk mendapatkan senarai penuh pengecualian bagi polisi ini.)

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya dan bagaimanakah caranya?

Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberi notis secara bertulis kepada syarikat kami. Setelah pembatalan dilakukan, anda layak menerima bayaran balik premium berdasarkan kepada tempoh insurans yang belum luput. Walau bagaimanapun, sebarang bayaran premium minimum yang dibayar bagi polisi tersebut tidak akan dibayar balik.

8. Apakah yang perlu dilakukan jika terdapat perubahan pada maklumat peribadi/surat-menyurat saya?

Adalah penting anda memberitahu syarikat kami sekiranya terdapat perubahan pada maklumat peribadi anda. Ini untuk memastikan semua surat-menyurat dapat dihantar pada masa yang ditetapkan.

9. Dimanakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut, sila layari laman web kami di www.uniasiageneral.com.my atau rujuk kepada pejabat cawangan kami.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Uni.Asia General Insurance Berhad
Tingkat 9, Menara Uni.Asia,
1008, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur.
Talian Bebas Tol: 1-800-888-990
Tel : 03-2693 8111
Faks : 03-2693 0111
www.uniasiageneral.com.my

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS TERSEBUT SERTA BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan di dalam senarai pemberitahuan ini adalah sah bermula Mac 2010.